membawa padah apabila dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,200 atau lima hari penjara oleh mahkamah.

"Sementara itu, satu waran tangkap bertarikh 11 September 2019 juga sudah dikeluarkan terhadap Noor Laila Narawa oleh mahkamah kerana tidak menghadirkan diri ketika kes disebut di mahkamah (pada 15 Ogos lalu).

"Kedua-dua kesalahan ini membabitkan kesalahan mengikut Seksyen 46 (1) (d) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)," katanya.

Mohamad Zain berkata, walaupun pelbagai usaha sudah dilakukan oleh pihaknya dalam mendidik masyarakat supaya memelihara alam sekitar serta mematuhi peraturan yang ditetapkan, namun masih ada yang ingkar seterusnya mengundang padah terhadap diri mereka.

Beliau juga mengingatkan kepada semua pihak agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar serta mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.